KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (CKAPS)

GARIS PANDUAN
MEMPROSES PERMOHONAN KELULUSAN KEMUDAHAN PUSAT JAGAAN AMBULATORI SWASTA BERGERAK DENGAN RADAS MAMMOGRAM

AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998 [*AKTA 586*]

PERATURAN-PERATURAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA (HOSPITAL SWASTA DAN KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA LAIN) 2006 [*P.U. (A) 138/2006*]

1. PENGENALAN

1.1. Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*] dan Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta Dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [*P.U. (A) 138/2006*] telah dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006.

1.2. Semua pusat jagaan ambulatori swasta termasuk yang akan disediakan secara bergerak perlu mendapat kelulusan dan lesen dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ianya boleh beroperasi selaras di bawah Akta 586 dan P.U. (A) 138/2006.

1.3. Sehingga 31 Mac 2022, sebanyak tiga pusat jagaan ambulatori swasta bergerak dengan radas Mammogram telah dilesenkan.

1.4. Garis panduan ini dikeluarkan bagi membantu pegawai-pegawai proses di Unit Pelesenan, Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) memproses permohonan yang diterima.

2. OBJEKTIF

2.1. Memastikan permohonan kelulusan menubuhkan atau menyenggarakan pusat jagaan ambulatori swasta bergerak dengan radas mammogram diproses mengikut ketetapan Akta 586 dan P.U. (A) 138/2006.

2.2. Memastikan permohonan pusat jagaan ambulatori swasta bergerak dengan radas mammogram yang diterima adalah lengkap dan mematuhi *standard* yang ditetapkan bagi memastikan kualiti jagaan kesihatan kepada pesakit terjamin.

2.3. Menetapkan **pengecualian** yang boleh dipertimbangkan bagi pusat jagaan ambulatori swasta bergerak dengan radas mammogram.

2.4. Menetapkan **perkara-perkara yang perlu dikemukakan oleh pemohon** untuk dipertimbangkan bagi pusat jagaan ambulatori swasta bergerak dengan radas mammogram.

3. DEFINISI

3.1. Merujuk Seksyen 2, Akta 586, "perkhidmatan jagaan kesihatan swasta" ertinya apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta.

3.2. Merujuk Seksyen 2, Akta 586, "kemudahan jagaan kesihatan swasta" ertinya mana-mana **premis**, selain kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan, seperti hospital, hospis, pusat jagaan ambulatori, rumah jagaan kejururawatan, rumah bersalin, hospital psikiatri, rumah jagaan psikiatri, pusat kesihatan mental masyarakat, pusat hemodialisis, klinik perubatan, klinik pergigian swasta dan apa-apa premis jagaan kesihatan atau yang berhubungan dengan kesihatan lain yang boleh ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

3.3. Merujuk Seksyen 2, Akta 586, "kelulusan untuk menubuhkan atau menyenggarakan" ertinya kelulusan untuk menubuhkan atau menyenggarakan suatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta selain klinik perubatan swasta atau klinik pergigian swasta.

3.4. Merujuk Seksyen 2, Akta 586, "lesen untuk mengendalikan atau menyediakan" ertinya lesen untuk mengendalikan atau menyediakan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta selain klinik perubatan swasta atau klinik pergigian swasta.

3.5. Merujuk Seksyen 2, Akta 586, "**pusat jagaan ambulatori swasta**" ertinya mana-mana premis, selain pusat jagaan ambulatori Kerajaan, klinik perubatan swasta atau klinik pergigian swasta, yang terutamanya digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi maksud –

3.5.1. **menjalankan apa-apa tatacara** yang berhubungan dengan **amalan perubatan** dalam mana-mana disiplinnya atau apa-apa **tatacara pergigian;**

3.5.2. **dengan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang relevan, yang berterusan (*continous relevant healthcare services*)** termasuklah perkhidmatan kejururawatan **bilamana pesakit berada dalam premis itu**;

3.5.3. yang dalamnya jagaan kesihatan, katil atau penginapan lain sebagai tempat tinggal bagi mana-mana **seorang pesakit bagi tempoh tidak lebih daripada 23 jam** disediakan; dan

3.5.4. yang darinya pesakit sama ada dibenarkan keluar dalam keadaan ambulatori tanpa menghendaki jagaan atau pengawasan sentiasa atau yang berterusan dan tanpa bahaya kepada kesejahteraan berterusan pesakit itu atau dipindahkan ke hospital.

3.6. Merujuk Seksyen 2, Akta 586, “premis” ertinya mana-mana tempat, bangunan atau **kenderaan** sama ada kekal atau sementara.

3.7. Dari segi administratif, “**pusat jagaan ambulatori swasta bergerak**” ertinya mana-mana pusat jagaan ambulatori swasta yang digunakan atau dimaksudkan sebagai pusat jagaan ambulatori swasta dalam bentuk kenderaan. Dalam hal ini, garis panduan ini terpakai bagi menyediakan **Pusat Jagaan Ambulatori Swasta Bergerak Dengan Radas Mammogram.**

4. ENTITI YANG BOLEH MEMOHON

4.1. Bagi tuan punya tunggal (*sole proprietor*), pemohon hendaklah seorang pengamal perubatan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan mempunyai perakuan amalan tahunan semasa (APC).

4.2. Bagi pertubuhan perbadanan (*body corporate*) hendaklah berdaftar dengan Akta Syarikat 1965 dan salah seorang dari ahli lembaga pengarah pertubuhan perbadanan tersebut adalah seorang pekongsi hendaklah seorang pengamal perubatan berdaftar.

*** Nota:** Bagi pertubuhan perbadanan hendaklah diwakili oleh seorang yang diberi kuasa oleh ahli-ahli perkongsian atau ahli lembaga pertubuhan perbadanan tersebut (*tidak semestinya seorang pengamal perubatan*).

5. ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB

Seorang pengamal perubatan berdaftar yang telah menjalankan khidmat wajib, terlatih sekurang-kurangnya dua (2) tahun dan mempunyai lima (5) tahun pengalaman dalam apa-apa bidang perkhidmatan yang akan disediakan oleh pusat jagaan ambulatori iaitu **seorang pakar radiologi**.

6. PROSEDUR DAN SEMAKAN PERMOHONAN PUSAT JAGAAN AMBULATORI SWASTA BERGERAK

6.1. Permohonan Kelulusan Menubuhkan Atau Menyenggarakan (Borang 1)

6.1.1. Permohonan menggunakan Borang 1 secara manual dikemukakan kepada Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Putrajaya di mana premis akan disediakan berdasarkan alamat kenderaan akan ditempatkan (***based at)*** dan lokasi perkhidmatan disediakan.

6.1.2. Borang 1 boleh didapati di Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan atau Jabatan Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan yang berhampiran atau dimuat turun melalui laman sesawang *http://medicalprac.moh.gov* → *Borang Orang Awam (Borang 1)*.

6.1.3. Isi Borang 1 dengan **lengkap dan betul**.
- Pemohon (Tuan Punya Tunggal) (termasuk tarikh, tandatangan dan cop pemohon); atau
- Pemohon (Pertubuhan Perbadanan) (termasuk tarikh, tandatangan dan cop orang yang diberi kuasa).

6.1.4. Sediakan fi pemprosesan dalam bentuk kiriman wang atau draf bank (*wang tunai dan cek persendirian tidak diterima*) bernilai **RM1500.00**, dibayar atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia**.

6.1.5. Sediakan satu (1) salinan dokumen-dokumen sokongan berikut **yang diperakui sah** bagi –

(i) **Pemohon (Tuan Punya Tunggal)**

(a) Salinan kad pengenalan; ☐

(b) Salinan Ijazah Perubatan; ☐

(c) Salinan Perakuan Pendaftaran Penuh; ☐

(d) Salinan sijil kelayakan kepakaran *(jika berkaitan)*
- Salinan Sijil Pasca Ijazah / Kepakaran; dan ☐
- Salinan Sijil National Specialist Register of Malaysia (NSR). ☐

(e) Salinan Perakuan Amalan Tahunan (APC), tahun semasa terkini; ☐

(f) Surat akuan bersumpah asal bagi tahun semasa (*tidak disabitkan dengan kesalahan melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau bankrup yang belum dilepaskan*); ☐

(ii) **Pemohon (Jika Pertubuhan Perbadanan)**

1. Dokumen Sokongan Orang Yang Diberi Kuasa

(a) Surat kuasa orang yang diberi kuasa sebagai pemohon bagi pihak pertubuhan perbadanan, dalam hal pusat jagaan ambulatori swasta bergerak.; **ATAU**
Salinan *Board Resolution* bersetuju melantik pemohon sebagi orang yang diberi kuasa bagi pihak pertubuhan perbadanan, dalam hal pusat jagaan ambulatori swasta bergerak.; ☐

(b) Salinan kad pengenalan; ☐

(c) Salinan Ijazah Perubatan; ☐

(d) Salinan sijil kelayakan kepakaran *(jika berkaitan)*
- Salinan Sijil Pasca Ijazah / Kepakaran; dan ☐

- Salinan Sijil *National Specialist Register* of Malaysia (NSR).; ☐

(e) Salinan Perakuan Pendaftaran Penuh; ☐

(f) Salinan Perakuan Amalan Tahunan (APC), tahun semasa terkini; ☐

(g) Surat akuan bersumpah <u>asal</u> bagi tahun semasa (*tidak disabitkan dengan kesalahan melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau bankrup yang belum dilepaskan*); ☐

2. Dokumen sokongan semua Ahli Lembaga Pengarah seperti berikut:

(a) Salinan Ijazah Perubatan; ☐

(b) Salinan sijil kelayakan kepakaran *(jika berkaitan)* ☐
- Salinan Sijil Pasca Ijazah / Kepakaran; dan
- Salinan Sijil National Specialist Register of Malaysia (NSR).; ☐

(c) Salinan Perakuan Pendaftaran Penuh; ☐

(d) Salinan Perakuan Amalan Tahunan (APC), tahun semasa terkini; ☐

(e) Surat akuan bersumpah <u>asal</u> bagi tahun semasa (*tidak disabitkan dengan kesalahan melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau bankrup yang belum dilepaskan*); ☐

3. Dokumen sokongan Maklumat Pertubuhan Perbadanan

(a) Salinan Borang 8/9, Akta Syarikat 1965 atau seumpamanya; ☐
(Perakuan pendaftaran dengan SSM)

(b) Salinan Borang 24, Akta Syarikat 1965 atau seumpamanya; ☐
(** Penyertaan ekuiti asing adalah tertakluk kepada dasar polisi ekuiti asing semasa bagi pusat jagaan ambulatori swasta, sepertimana yang ditetapkan oleh Kerajaan)

(c) Salinan Borang 44, Akta Syarikat 1965 atau seumpamanya; ☐
(Alamat Syarikat)

(d) Salinan Borang 49, Akta Syarikat 1965 atau seumpamanya; ☐
(Nama Ahli Lembaga Pengarah)

(e) *Memorandum and Articles of Association* pertubuhan perbadanan tersebut; dan ☐

(iii) **Dokumen-Dokumen Lain**

(a) Cadangan **komprehensif** mengenai pengambilan **tenaga kerja**; ☐

(b) 2 Set Pelan Lantai Kenderaan (*Mobile Lay Out Plan*) ☐
- Perlu dilabelkan dengan nama dan alamat premis sepertimana dalam Borang 1
- Skala/*scale* (1:100)
- Lengkap dengan *legend* (kelengkapan dan peralatan di dalam mobile bergerak tersebut)
- Dilukis oleh sekurang-kurangnya seorang pelukis pelan (*draughtsman*)

(c) Maklumat Jenis Kenderaan; ☐

**Perlu mengemukakan Laporan pemeriksaan khas yang diluluskan PUSPAKOM dan Perakuan Pendaftaran Kenderaan (JPJ) semasa permohonan lesen baru kelak

(d) 1 Set Pelan Lantai Mekanikal Dan Elektrikal Kenderaan (*Mobile M&E Plan*) ☐
- Mempunyai nama dan alamat premis sepertimana dalam Borang 1
- Skala/*scale* (1:100)
- Lengkap dengan *legend*
- Dilukis oleh *engenier* bertauliah

(e) Penyata kewangan (anggaran kos penubuhan bagi pusat jagaan ambulatori swasta bergerak tersebut) ☐

6.1.6. P

6.1.6. Pemohon atau wakil pemohon boleh menghantar permohonan Borang 1 (**yang lengkap**) bersama fi pemprosesan dan dokumen yang berkaitan ke CKAPS sama ada melalui pos atau serahan tangan.

6.1.7. Semua permohonan yang **dihantar ke CKAPS** akan disemak dengan teliti oleh pegawai proses. Permohonan yang <u>lengkap</u> sahaja yang akan diproses selanjutnya.

6.1.8. Surat akuan terima permohonan berserta resit fi pemprosesan akan dihantar kepada pemohon/premis apabila permohonan tersebut diterima oleh CKAPS dalam tempoh 3 hari bekerja.

6.1.9. Bagi permohonan yang <u>diluluskan</u>, sijil perakuan kelulusan menubuhkan (Borang 2) akan dikeluarkan oleh CKAPS dalam tempoh 2 minggu. Permohonan yang <u>tidak diluluskan</u> akan dimaklumkan kepada pemohon secara bertulis.

6.1.10. Tempoh sah kelulusan Borang 2 adalah selama **3 tahun** bermula dari tarikh kelulusan. Pemohon boleh mula ubahsuai kenderaan tersebut sepertimana yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

6.1.11. Perakuan kelulusan menubuhkan (**Borang 2**) boleh ditarik balik secara bertulis oleh pemohon atau orang yang diberi kuasa bagi perkongsian/pertubuhan perbadanan, pada bila-bila masa sebelum/selepas permohonan diluluskan/tidak diluluskan.

6.2. **Perkara-Perkara Yang Perlu Disemak Dan Diteliti Semasa Memproses Permohonan Kelulusan Menubuhkan Pusat Jagaan Ambulatori Swasta Bergerak <u>dengan radas Mammogram</u>**

6.2.6. **Nama Pusat Jagaan Ambulatori Swasta**

(a) Nama yang disarankan dan digalakkan adalah nama yang menggambarkan perkhidmatan yang akan disediakan oleh pusat jagaan ambulatori swasta bergerak tersebut.

(b) Premis tidak boleh menggunakan nama yang menyamai kemudahan kesihatan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan seperti *Klinik Bergerak 1 Malaysia* dan sebagainya.

(c) Nama yang digunakan tidak mengelirukan orang awam mengenai skop perkhidmatan yang disediakan.

(d) Nama yang digunakan adalah bersesuaian dan selaras dengan skop kemudahan dan perkhidmatan kepakaran yang disediakan.

(e) Sekiranya logo ingin digunakan pada kenderaan, logo tersebut tidak boleh -

(i) mengelirukan orang awam/*misleading*; atau/dan

(ii) menggambarkan konsep *feeder* kepada hospital atau kemudahan jagaan kesihatan swasta lain yang berlesen.

6.2.2 **Alamat Pusat Jagaan Ambulatori Swasta Bergerak**

(a) **Alamat pusat jagaan ambulatori swasta bergerak** bermaksud dimana kenderaan yang digunapakai (pusat jagaan ambulatori swasta bergerak) **ditempatkan ketika tidak beroperasi.**

(b) Alamat tersebut perlu spesifik dan dimulai dengan "*based at"* contohnya *Based at Lot 125, Jalan Persiaran 3, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi 43650 Bangi Hulu Langat Selangor.*

6.2.3. **Lokasi Untuk Menyediakan Perkhidmatan**

(a) Lokasi yang dipilih bagi pusat jagaan ambulatori swasta bergerak menyediakan perkhidmatan kepakaran perlu spesifik dan terhad mengikut negeri yang dipohon.

(b) Pemohon perlu memastikan lokasi yang dicadangkan untuk memberi perkhidmatan adalah lengkap dari segi kemudahan tandas awam, janitor dan pengurusan sisa klinikal yang teratur.

(c) Maklumat lokasi perlu dinyatakan secara bertulis oleh pemohon/orang yang diberi kuasa sebagai maklumat tambahan kepada butiran B.2. pada Borang 1.

6.2.4. **Tarikh Dan Tempoh Sah Perakuan Kelulusan Menubuhkan (Borang 2) Pusat Jagaan Ambulatori**

(a) Merupakan tarikh kelulusan bermula bagi kenderaan dibina dan diubahsuai sepertimana yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

(b) Tempoh sah kelulusan Borang 2 adalah selama 3 tahun bermula dari tarikh kelulusan.

6.2.5. **Waktu Operasi Pusat Jagaan Ambulatori**

Merujuk kepada hari dan masa perkhidmatan pusat jagaan ambulatori swasta bergerak akan disediakan.

6.2.6. **Pelan lantai**

(a) Skala 1:100.

(b) Mempunyai nama dan alamat pusat jagaan ambulatori (*based at)* yang ingin diluluskan dan dilesenkan.

(c) Ukuran dan kemudahan bilik konsultasi perlu mematuhi subperaturan 337(1)(a) dan subperaturan 337(1)(b), P.U. (A) 138/2006.

(d) Ukuran lega dan arah ayunan pintu perlu mematuhi Peraturan 54, P.U. (A) 138/2006.

(e) Ukuran lebar koridor perlu mematuhi subperaturan 53(1), P.U. (A) 138/2006.

(f) Bilik dan jenis radiasi perlu mematuhi Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*] dan peraturan-peraturan dibawahnya.

6.2.7. **Jenis Perkhidmatan**

(a) Terhad untuk perkhidmatan kepakaran pusat jagaan ambulatori ***Single Discipline Radiology*** dengan **radas Mammogram** sahaja.

(b) Sekurang-kurang **seorang pakar Radiologi tetap/residen** dengan sijil NSR Radiologi sebagai OYB.

(c) Skop perkhidmatan kepakaran yang akan diberikan termasuk prosedur klinikal yang akan dijalankan perlu selaras dengan jenis kemudahan yang disediakan dalam pusat jagaan ambulatori swasta bergerak.

(d) Pusat jagaan ambulatori swasta bergerak yang **menyediakan perkhidmatan radiologi (mammogram)** perlu mematuhi Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*] dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

(e) Perkhidmatan mammogram hanya boleh disediakan setelah mempunyai Lesen Tenaga Atom mengguna radas penyinaran tersebut *(mesin mammogram perlu dikendalikan oleh juru x-ray seperti yang digariskan dalam Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 28/2010 yang berkuatkuasa mulai 28 Oktober 2010).*

(f) Penyertaan ekuiti asing adalah tertakluk kepada dasar polisi ekuiti asing semasa bagi pusat jagaan ambulatori swasta, sepertimana yang ditetapkan oleh Kerajaan.

6.3. Pengecualian Yang Boleh Dipertimbangkan

Mengambil kira limitasi pada rekabentuk dan saiz kenderaan serta struktur jalan raya, permohonan pengecualian secara bertulis yang dikemukakan oleh pemohon **boleh dipertimbangkan** bagi perkara-perkara berikut:

6.3.1. Ukuran lebar minima bilik konsultasi yang tidak dapat mematuhi 3.3 meter kerana lebar kenderaan yang terhad;
*(**pengecualian lebar minima** yang boleh **dibenarkan adalah 2.1 meter namun keluasan minima bilik konsultasi perlu mematuhi ≥ 11.1 meter persegi**).*

6.3.2. Ukuran lebar minima bilik rawatan yang tidak dapat mematuhi 2.4 meter kerana lebar kenderaan yang terhad;
*(**pengecualian lebar minima** yang boleh **dibenarkan adalah 2.1 meter namun keluasan minima bilik rawatan perlu mematuhi ≥ 8.0 meter persegi**).*

6.3.3. Menyediakan kemudahan stor kecil penjaga bangunan (*janitor's closet)* di luar kenderaan; dan/atau stor kecil penjaga bangunan awam boleh digunasama dimana lokasi yang dipilih untuk menyediakan perkhidmatan mestilah berdekatan dengan kemudahan tersebut.

6.3.4. Menyediakan kemudahan tandas pesakit di luar kenderaan.
(tandas awam boleh digunasama dimana lokasi yang dipilih untuk menyediakan perkhidmatan mestilah berdekatan dengan kemudahan tersebut).

6.4. Perkara-perkara lain yang perlu dinyatakan untuk dipertimbangkan:

6.4.1. Kumpulan pesakit sasaran

(a) Pemohon perlu menyatakan dengan jelas skop perkhidmatan mammografi yang disediakan atau dimaksudkan untuk disediakan mengikut kategori pesakit.

(b) Kawasan operasi yang akan diliputi.

(c) Jumlah pesakit yang boleh ditampung dalam sehari.

(d) Kriteria pemilihan pesakit.

6.4.2. ***Standard Operating Procedure*** **(SOP)**

Perlu menyediakan SOP yang berkaitan termasuklah perkara-perkara berikut:

(a) Keputusan mammogram akan disahkan oleh Pakar Radiologi di premis pada hari yang sama / pesakit akan dirujuk semula kepada pengamal perubatan yang merujuk.

(b) Memastikan terdapat sekurang-kurangnya seorang ***radiographer*** **wanita** yang mengendalikan radas mammogram di premis berkenaan.

(c) Filem/CD/keputusan/laporan akan diserahkan kepada pesakit untuk dibawa kepada pengamal perubatan yang merujuk.

(d) Pemohon perlu mengemukakan senarai ***affiliated hospitals*** yang mempunyai sekurang-kurangnya perkhidmatan pembedahan am sebagai pusat rujukan dan rawatan susulan bagi pesakit terutamanya sekiranya keputusan mammogram adalah abnormal.

(e) Prosedur di bilik kaunseling melibatkan:

(i) Pre (prosedur) kaunseling (*pre counselling*): Sebelum prosedur berkaitan dengan radiasi, indikasi dan *benefit* mammogram terhadap pesakit

(ii) Pasca (prosedur) kaunseling (*post counselling*): Pakar Radiologi akan menerangkan laporan mammogram kepada pesakit dan akan merujuk semula pesakit kepada pengamal perubatan yang merujuk untuk rawatan susulan

6.4.3. **Penyelenggaraan**

(a) Penyelenggaraan radas mammogram mesti diselengarakan oleh agensi yang berkaitan dan laporan penyelenggaraan perlu dikemukakan semasa permohonan pembaharuan lesen (setiap 2 tahun).

(b) Premis perlu memastikan kenderaan diselengarakan secara berjadual (*regular service*) bagi setiap 5000km.

(c) Kenderaan perlu ditempatkan di tanah rata (*flat area*) dan sentiasa memastikan kestabilan radas (*alignment and stability mammogram*) sentiasa terpelihara sebelum digunakan untuk pesakit.

6.5. **Permohonan Lesen Menyediakan Atau Mengendalikan (Borang 3)**

6.5.1. Permohonan lesen baru perlu dikemukakan dalam tempoh sah kelulusan (Borang 2).

6.5.2. Garis panduan boleh dimuat turun melalui laman sesawang *http://medicalprac.moh.gov* → *Perakuan dan lesen bagi pusat jagaan ambulatori*, rujuk Permohonan Lesen Menyediakan atau Mengendalikan.

6.6. **Permohonan – Permohonan lain berkaitan dengan Perakuan Kelulusan dan Lesen**

Sila rujuk Prosedur Permohonan-Permohonan Berkaitan Perakuan Kelulusan dan Lesen Bagi Pusat Jagaan Ambulatori Swasta.

RUJUKAN

- Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*].
- Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [*P.U. (A) 138/2006*].
- Prosedur Permohonan-Permohonan Berkaitan Perakuan Kelulusan Dan Lesen Bagi Pusat Jagaan Ambulatori Swasta.
- Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*].